

MOTIVASI PELAJAR MOBILITI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA PERANCIS

Nuradibah Asbullah

dieba01_91@yahoo.co.uk

Dr. Hazlina Abdul Halim

drhazlinahalim@gmail.com

Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 43400 Universiti
Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia Tel.: +60178553811

Abstrak

Kajian ini adalah kajian kualitatif untuk mengenal pasti motivasi yang mendorong pelajar mobiliti untuk mempelajari Bahasa Perancis berdasarkan teori motivasi oleh Gardner & Lambert (1972) serta Deci & Ryan (2000). Disamping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis tujuan pelajar mobiliti memilih negara Perancis sebagai tempat untuk melanjutkan pelajaran. Seramai tiga orang pelajar yang berusia di antara usia 20-23 tahun terlibat dalam kajian ini. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar mobiliti yang berasal dari negara yang berbeza. Kajian ini mengambil masa selama empat minggu, dimana pelajar telah ditemubual untuk mendapatkan data kajian yang tepat. Keputusan kajian mendapati bahawa dua jenis motivasi iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental memainkan peranan dalam mendorong pelajar-pelajar ini mempelajari bahasa Perancis. Kajian ini juga mendapati bahawa motivasi instrinsik dan ekstrinsik juga telah membantu mengekalkan pelajar-pelajar untuk terus mempelajari bahasa Perancis. Dapatan kajian ini diharapkan akan membuka ruang kepada pelajar mobiliti dalam mengenal pasti motivasi mereka dalam bahasa Perancis.

Kata Kunci: *Motivasi, motivasi integratif dan instrumental, motivasi instrinsik dan ekstrinsik, pelajar mobiliti, bahasa Perancis.*

MOTIVATION FOR STUDENTS MOBILITY IN LEARNING FRENCH

Abstract

This research is a qualitative study to identify the motivations which encourage mobility students to learn French by applying Gardner & Lambert (1972) and Deci & Ryan (2000) theory on motivation. In addition, the study attempted to analyse the reasons these mobility students chose France as a place for them to further their studies. A total of three mobility students between the age of 20-23 were involved in this study. These students were mobility students who came from different countries. This study took four weeks and students were interviewed to obtain accurate survey data. The results showed that the two types of motivation that is integrative and instrumental motivation which played a role in encouraging these students to learn French. The study also discovered that intrinsic and extrinsic motivation has equally helped mobility students to persist and continue learning French Language. It is hoped that the result of the study will give advantage to the mobility students in identifying their motivations in learning French.

Keywords: Motivation, integrative and instrumental motivation, intrinsic and extrinsic motivation, mobility students, French language.

Pengenalalan

Motivasi merupakan sesuatu yang mendorong dan membantu seseorang untuk melakukan sesuatu perkara sama ada dalam keadaan sedar atau tidak sedar. Motivasi ini boleh dikaitkan dengan minat seseorang untuk melakukan sesuatu perkara secara berterusan ataupun tidak. Menurut Gardner (1985), motivasi adalah „gabungan usaha yang ditambah keinginan“ untuk mencapai matlamat pembelajaran bahasa, dan juga ditambah sikap positif terhadap pembelajaran bahasa. Mobiliti pelajar pula merujuk kepada pergerakan pelajar untuk menjalani latihan atau belajar di institusi selain daripada institusi asal sama ada di dalam atau luar negara. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), mobiliti ialah perihal mudah bergerak atau digerakkan, perihal mudah berpindah tempat tinggal, pergerakan individu atau kumpulan dalam sesuatu masyarakat ke kedudukan yang berlainan daripada yang diduduki sebelumnya, perubahan kedudukan individu atau kumpulan dalam sesuatu masyarakat dari segi kelas, kekuasaan, dan kebolehan para pekerja bertukar kerja atau berpindah tempat kerja. Oleh itu, kajian ini memberi fokus terhadap motivasi yang sering digunakan oleh pelajar mobiliti, khususnya dalam mempelajari Bahasa Perancis (BP). Kajian ini juga dapat membantu pelajar mobiliti untuk mengenal pasti jenis motivasi yang dapat diaplikasikan untuk mempelajari sesuatu bahasa.

Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian berkenaan motivasi dalam mempelajari bahasa telah dijalankan oleh pengkaji di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini lebih memberi fokus terhadap motivasi dalam mempelajari Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris. Siti Saniah & Sharala Subramaniam (2012) telah membuat kajian tentang strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing dan mendapati bahawa motivasi Instrumental dan Integratif merupakan antara punca pelajar asing dapat meneruskan pembelajaran Bahasa Melayu. Seterusnya, kajian Norizah Ardi (2005) tentang sikap terhadap Bahasa Melayu dan penggunaannya di kalangan pelajar universiti selatan Thailand mendapati motivasi mempelajari bahasa Melayu bersifat integratif, instrumental dan bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/ nenek moyang. Teoh Hee Chong (2005) pula telah menjalankan kajian berkenaan hubungan motivasi integratif dengan pencapaian bahasa Melayu di Sekolah Persendirian Cina, Malaysia. Kesenambungan daripada kajian lepas mengenai motivasi pelajar asing dalam mempelajari Bahasa Melayu, kajian ini akan memberi fokus kepada motivasi pelajar mobiliti dalam mempelajari BP.

Oleh itu, satu kajian preliminari telah dijalankan dan masalah-masalah yang telah dikenal pasti dijadikan asas kepada kajian ini. Antara masalah tersebut ialah:-

- a. Tidak mempunyai pengetahuan asas tentang BP
- b. Tidak pernah mempelajari BP sebelum tiba di Perancis.
- c. Tahap BP yang rendah dan tidak sering/pernah digunakan.
- d. Tidak mengambil Ijazah dalam pengkhususan BP.
- e. Mengenalpasti mengapa pelajar tetap cuba mempelajari BP.
- f. Apakah yang dilakukan oleh pelajar untuk membantu mereka menguasai BP.

Istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* yang memberi makna bergerak (P.R. & A.M. Kleinginna, 1981). Menurut Wlodkowski (1985), motivasi ialah suatu keadaan yang menyebabkan atau menimbulkan perilaku tertentu, dan yang memberi arah dan ketahanan (*persistence*) pada tingkah laku tersebut. Ames dan Ames (1984) seterusnya menyatakan bahawa motivasi adalah perspektif yang dimiliki seseorang mengenai dirinya sendiri dan persekitarannya. Manakala pengertian motivasi menurut Cropley (1985) ialah tujuan yang ingin dicapai melalui perilaku tertentu. Johnson & Johnson (2003) menjelaskan bahawa motivasi boleh ditakrifkan sebagai sejauh mana individu melakukan usaha untuk mencapai matlamat yang mereka anggap sebagai bermakna dan berfaedah. Manakala Mayer (2011) pula mendefinisikan motivasi sebagai satu keadaan dalaman yang memulakan dan mengekalkan matlamat diarahkan tingkah laku.

Hays & Hill (2001) menyatakan bahawa motivasi boleh ditakrifkan sebagai keinginan untuk mencapai beberapa matlamat.

Deci & Ryan (2000) menegaskan bahawa motivasi menjadi tunggak utama bagi pelajar dalam memperbaiki diri dan bahasa mereka dalam mempelajari bahasa asing. Azwar Saifuddin (2005) pula mengklasifikasikan motivasi sebagai rangsangan, dorongan ataupun pembangkit tenaga yang dimiliki seseorang atau sekelompok yang ingin berbuat dan bekerjasama secara optimal dalam melaksanakan sesuatu yang telah dirancang untuk mencapai tujuan atau matlamat yang telah ditetapkan.

Atkinson (1983) menjelaskan bahawa motivasi ialah faktor yang memberi tenaga dan arah kepada tingkah laku. Seseorang individu yang bermotivasi akan terlibat secara lebih aktif dan lebih berkesan berbanding dengan individu yang tidak bermotivasi. Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2004) memperincikan lagi motivasi sebagai keadaan dalaman yang menggerakkan dan memberi arah kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku ke arah pencapaian matlamat (pemuasaan keperluan). Kecenderungan yang wujud dalam diri individu yang dapat mempengaruhi pemikiran dan tingkah lakunya pula (Shahbuddin Hashim & Rohizani Yaakub, 2003).

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002 : 898) pula mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Motivasi, menurut pandangan Wan Rafaei Abdul Rahman (1991 : 11), ialah satu set proses yang bertenaga kepada tingkah laku seseorang itu dan menghala tingkah laku itu kepada satu-satu matlamat. Justeru itu, konsep motivasi bukan hanya melibatkan sesuatu keperluan dan keinginan yang menggerakkan tingkah laku atau pembelajaran seseorang, bahkan juga dari segi hala tuju dan cabang jalan yang diambil oleh seseorang itu untuk memuaskan keperluannya.

Motivasi boleh dikelaskan kepada pengkelasan yang berbeza. Salah satu pengkelasan ialah motivasi instrumental, yang menurut Gardner & Lambert (1972) tujuan seseorang untuk menguasai sesuatu bahasa kedua adalah untuk membolehkannya menggunakan bahasa tersebut untuk mencapai matlamat lain daripada matlamat integrasi seperti menyambung pengajian tinggi, membolehkannya membaca bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa tersebut, penterjemahan dan sebagainya. Mereka juga turut menegaskan bahawa motivasi instrumental menekankan tujuan atau matlamat pembelajaran bahasa iaitu nilai utilitari pencapaian linguistik seperti kerjaya. Motivasi instrumental secara ringkasnya bukanlah bertujuan mempelajari bahasa kerana nilai utilitari semata-mata, misalnya untuk berjaya dalam peperiksaan, melanjutkan pelajaran ke luar negara atau mendapatkan pekerjaan yang baik tetapi menjurus lebih kepada keinginan seseorang terhadap pembelajaran bahasa tersebut.

Deci & Ryan (2000) pula membahagikan motivasi kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Menurut Deci & Ryan (2000), motivasi intrinsik

ditakrifkan sebagai perlakuan aktiviti untuk kepuasan yang wujud secara sendirinya dan bukannya untuk apa jua balasan atau ganjaran dari luar. Apabila seseorang bermotivasi intrinsik, segala tindakan dan perbuatan adalah atas dasar suka atau minat akan cabaran dan bukanlah atas pengaruh luar, tekanan, atau ganjaran. Motivasi ekstrinsik pula merujuk kepada perbuatan membina yang berhubung kait dengan sesuatu aktiviti untuk mencapai beberapa hasil atau ganjaran (Deci & Ryan, 2000). Motivasi ekstrinsik ini berbeza dengan motivasi intrinsik, yang merujuk kepada melakukan sesuatu kegiatan semata-mata untuk menikmati aktiviti itu sendiri, dan bukannya atas dasar nilai instrumental itu.

Deci & Ryan (2000) menegaskan bahawa motivasi menjadi tunggak utama bagi pelajar dalam memperbaiki diri dan bahasa mereka dalam mempelajari bahasa asing. Seorang pelajar yang mempunyai motivasi tersendiri lebih mudah untuk menguasai bahasa yang dipelajarinya. Justeru itu, pelajar yang dipengaruhi dengan motivasi akan mudah untuk melakukan sesuatu yang bermotivasi. Kamus Oxford (2004), menerangkan bahawa motivasi adalah satu sebab atau sebab-sebab untuk bertindak atau berkelakuan dengan cara yang tertentu, keinginan, semangat atau kesanggupan untuk melakukan sesuatu. Dengan yang demikian, motivasi adalah satu set fakta-fakta dan hujah-hujah yang digunakan bagi menyokong sesuatu cadangan. Dalam konsep pendidikan, motivasi merupakan pendorong kepada pelajar untuk mempelajari dan menguasai sesuatu domain atau bidang. Sebagai contoh, motivasi untuk pelajar dalam mempelajari bahasa.

Beberapa objektif telah digariskan bagi menjalankan kajian ini. Pertama, kajian ini adalah untuk mengenal pasti motivasi yang mendorong atau diguna pakai pelajar mobiliti untuk mempelajari BP. Dalam mempelajari bahasa baharu, seseorang itu perlu berlatih dan mengaplikasi bahasa tersebut sekerap yang mungkin seperti mana mereka menggunakan bahasa ibunda atau bahasa kedua mereka. Oleh yang demikian, motivasi ialah suatu keperluan yang penting dalam pembelajaran bahasa. Sementara objektif kedua kajian ini ialah menganalisis jenis motivasi dan tujuan pelajar memilih negara Perancis sebagai tempat untuk mereka melanjutkan pelajaran mereka.

Metodologi

Kajian ini melibatkan pelajar mobiliti yang menjalani program pertukaran pelajar di Universiti La Rochelle (ULR), Perancis. Pelajar ini terdiri daripada tiga orang pelajar perempuan yang berumur dari 20-23 tahun. Ketiga-tiga pelajar ini merupakan pelajar yang berasal dari negara yang berbeza dimana mereka mempunyai perbezaan dari segi bahasa, kewarganegaraan, kursus utama pembelajaran, dan juga pengalaman terhadap pembelajaran BP. Namun begitu, responden-responden ini merupakan pelajar-pelajar yang menduduki kelas BP B1 di ULR. BP B1 merupakan peringkat BP yang digunakan di Perancis sendiri untuk mengetahui tahap kemahiran BP seseorang terutama warga asing yang bertutur dalam BP. Dalam mengkaji tahap kemampuan penggunaan BP seseorang, mereka

perlu menduduki peperiksaan yang dikenali sebagai DELF dan DALF (rujuk Rajah 1). DELF (Diplôme d'études en langue française) merupakan satu peperiksaan yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di negara Perancis, mahupun pelajar-pelajar yang mempelajari BP. Pengkaji telah menggunakan instrumen temubual sebagai alat kajian utama di mana masa yang diperuntukkan adalah selama 25 minit untuk setiap sesi temubual bersama responden. Berdasarkan teori Gardner & Lambert (1972), responden disoal tentang pengertian motivasi, dan kaedah atau teori motivasi yang dikenali. Analisis motivasi pelajar dilaksanakan melalui persoalan yang menjurus kepada faktor-faktor strategi pembelajaran BP mereka. Cara ini digunakan bagi memastikan dapatan kajian kualitatif dapat dicatat dan direkod dengan tepat disamping data tersebut dapat dikumpul dengan lebih mendalam.

Jadual 1 : Tahap Peperiksaan DELF & DALF

DELF A1	Tingkat Pengenalan <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan bahasa untuk situasi sangat umum dalam kehidupan sehari-hari
DELF A2	Tingkat “ <i>survive</i> ” <ul style="list-style-type: none"> • Kebolehan berinteraksi dalam hubungan sosial • Kebolehan menghadapi situasi sederhana dan yang dapat diduga dalam kehidupan sehari-hari. (berbelanja, membuat pesanan, meminta keterangan, menulis surat)
DELF B1	Tingkat mencukupi <ul style="list-style-type: none"> • Mampu berinteraksi • Kebolehan menghadapi segala situasi, termasuk yang tidak terduga dalam kehidupan sehari-hari • Mampu memahami informasi (buletin, surat rasmi)
DELF B2	Tingkat lanjutan <ul style="list-style-type: none"> • Dapat berargumentasi secara efektif • Memahami kebahasaan, logika dan koherensi wacana • Memahami secara global (pidato, ceramah)
DALF C1	Tingkat berpengalaman <ul style="list-style-type: none"> • Dapat memahami pelbagai bentuk ujaran • Dapat berkomunikasi dengan mudah dan spontan • Dapat menganalisa (membuat catatan, rangkuman)
DALF C2	Tingkat mahir <ul style="list-style-type: none"> • Mampu menguasai bahasa dalam segala bentuk • Mampu mengerjakan tugas bersifat akademis

Pengkaji telah memilih responden yang mempunyai sedikit persamaan di dalam bidang pendidikan mereka, iaitu bidang yang berteraskan BP. Responden yang dikenal pasti mempunyai persamaan di mana mereka telah memiliki kemahiran bertutur di dalam BP kerana bidang yang diambil oleh masing-masing juga menggunakan BP. Sebagai contoh, responden 1 merupakan pelajar jurusan BP, sama seperti responden 3. Hanya yang membezakan mereka adalah selain merupakan pelajar jurusan BP, responden 1 juga merupakan pelajar Jurusan Undang-Undang. Bagi responden 2 pula, kesusasteraan BP merupakan jurusan yang diambil selama tiga tahun. Ketiga-tiga responden ini turut merupakan pelajar yang telah melepasi tahun kedua pengajian. Responden 1 merupakan pelajar tahun 4 manakala responden 2 dan 3 masing-masing merupakan pelajar tahun 3.

Keputusan dan Perbincangan

Motivasi utama pelajar mobiliti untuk mempelajari Bahasa Perancis

Hasil kajian mendapati bahawa pengaplikasian pertuturan dalam BP yang kerap membantu pelajar dalam berlatih untuk kelancaran bertutur BP. Bukan itu sahaja, kekerapan dalam pengaplikasian BP mendorong seseorang untuk menjadi lebih yakin dengan bahasa yang digunakan. Ini dapat dilihat daripada respons oleh Responden 2, yang menyatakan tahap keyakinan dirinya semakin tinggi apabila beliau semakin kerap bertutur dalam bahasa yang dipelajari.

“...it was a happy thing for me to erm...realized that I am very confident in speaking French”

“...ia merupakan perkara yang menggembirakan saya untuk erm...menyedari bahawa saya yakin dalam bertutur bahasa Perancis”

Dalam pada itu, untuk mempelajari sesuatu bahasa juga memerlukan minat yang mendalam dan pendedahan yang sewajarnya. Menurut Gardner & Lambert (1972), motivasi instrumental merujuk kepada minat seseorang untuk memperoleh bahasa kedua kerana didorong oleh motif-motif yang mendatangkan manfaat seperti pengetahuan tambahan terhadap sesuatu bahasa. Responden 2 menyatakan bahawa beliau memilih untuk mempelajari BP atas dasar ingin menjadi seorang yang lebih baik, disamping mempelajari bahasa baru merupakan minat dan keinginannya sendiri.

“...I really wanted to learn another language besides Korean and English... I really wanted to be different from others...”

“...Saya benar-benar mahu mempelajari bahasa lain selain bahasa Korea dan bahasa

Inggeris...saya benar-benar mahu menjadi lain daripada yang lain”

“I have to improve myself, so I have to speak in French.”

“Saya perlu memperbaiki diri saya, oleh itu saya perlu bertutur dalam bahasa Perancis

Responden 1 pula menegaskan bahawa beliau ingin memperbaiki kemahiran berbahasa Perancis.

Manakala Responden 3 pula menyatakan bahawa motivasi yang diterapkan di dalam dirinya adalah sentiasa mempunyai fikiran untuk tidak berputus asa.

“...and big motivation is also that... I want to improve my French”

“...dan motivasi terbesar juga adalah...saya ingin memperbaiki bahasa Perancis saya”

“I don't want to lose. I came from far away to reach here, so I must have to gain something or bring something back.”

“Saya tidak mahu mengalah. Saya datang dari jauh untuk sampai kesini, jadi saya perlu memiliki sesuatu atau membawa pulang sesuatu balik.”

Jelas dapat dilihat bahawa motivasi untuk mempelajari bahasa baharu ialah kerana minat dan dorongan dari dalam diri seseorang itu untuk menjadi lebih daripada yang dimiliki sekarang.

Pendedahan yang sewajarnya juga memainkan peranan dalam mendorong seseorang pelajar untuk mempelajari sesuatu bahasa. Pendedahan ini akan menjadi motivasi kepada pelajar tersebut dimana medium yang diterima dapat membantu mereka dalam meneruskan pengajian tersebut. Pendedahan yang paling berkesan adalah berupa pendedahan di sekeliling. Pendedahan ini tidak hanya berfokus kepada pendedahan di dalam kelas, rakan-rakan, tempat belajar dan pendidik. Ini juga bermaksud, pendedahan seperti masyarakat natif yang sering bertutur dalam bahasa tersebut. Di sini, pelajar yang terdedah dengan persekitaran masyarakat

yang bertutur di dalam BP akan lebih mendorong mereka untuk turut sama bertutur sebagai tempat pembelajaran dan berlatih.

“...in the community,...if they see you’re speaking even a little bit of French, they’ll just speak to you in French. ...that’s help me.”

“...dalam komuniti ini, jika mereka melihat kamu bertutur dalam bahasa Perancis walaupun secara sedikit, mereka akan terus berkomunikasi dengan kamu sepenuhnya dalam bahasa tersebut...itu sangat membantu saya”

“The environment provides you a pure language place to speak, to learn French in every moment.”

“Suasana sekitar menyediakan satu tempat yang sesuai untuk bertutur, untuk memepelajari bahasa Perancis dalam setiap masa.”

“So I try to speak with my broken French, by keep talking in French I feel my improvement”

“Oleh itu saya mencuba untuk bertutur dengan ketidakfasihan bahasa Perancis saya, dengan terus bertutur saya merasai kemajuan saya dalam bahasa Perancis”

Responden 1 dan 3 bersetuju dengan konsep bahawa pelajar mobiliti akan dapat memperbaiki BP mereka apabila mereka terdedah untuk bertutur didalam BP dimana masyarakat sekeliling menggunakan BP sepenuhnya.

Persekitaran juga memberi maksud tentang segala medium yang mendorong mereka untuk meneruskan pembelajaran BP mereka. Sebagai seorang pelajar mobiliti, penyesuaian diri dengan suasana pembelajaran dan rakan-rakan baru merupakan salah satu halangan dan cabaran yang perlu dihadapi mereka. Namun, pendedahan kepada rakan sebaya yang membantu pelajar mobiliti merupakan rangsangan dan motivasi kepada mereka untuk terus mempelajari BP.

“In that class, I don’t really speak to the French students”

“Didalam kelas, saya kurang berkomunikasi dengan pelajar-pelajar Perancis”

“I used a lot of English, to become friends, then when I get to know them, and I tried French.”

“Saya banyak menggunakan bahasa Inggeris, untuk mencari kawan, kemudian apabila saya dapat mengenali mereka, dan saya mencuba menggunakan bahasa Perancis”

Responden 1 menyatakan bahawa rakan sebaya yang terdiri daripada pelajar berbangsa Perancis tidak begitu rapat dengannya. Responden 1 juga mengatakan bahawa mereka hanya melakukan kerja mereka sahaja tanpa menghiraukan orang lain. Bagi Responden 2, pendedahan kepada rakan sebaya merupakan perkara yang pernah dialaminya sepanjang dia menetap di ULR. Penggunaan bahasa Ingeeris sebagai tahap pengenalan dan diikuti dengan percubaan penggunaan BP setelah mengenali mereka merupakan cara yang mendorongnya untuk terus berkomunikasi.

Motivasi pelajar memilih Perancis sebagai tempat melanjutkan pelajaran

Penggunaan BP pada masa kini adalah sangat meluas. Malahan, kekerapan penggunaan bahasanya adalah hampir sama dengan bahasa Inggeris. BP juga dikatakan mempunyai persamaan perkataan dengan bahasa Inggeris dimana lebih daripada 30 peratus Bahasa Inggeris adalah serapan daripada BP. Ini menjadikan BP menjadi pilihan untuk seseorang mempelajarinya kerana kebiasaan perkataan yang dimiliki.

“I think that having an English background... you could understand what it would be in French because it has a similar word in English...”

“Saya berpendapat bahawa dengan memiliki latar belakang bahasa Inggeris...kamu dapat memahami bagaimana sesuatu perkataan Perancis itu akan berbunyi kerana ianya mempunyai perkataan yang sama didalam bahasa Inggeris.”

Responden 1 berpendapat bahawa pembelajaran BP adalah mudah untuk dipelajari kerana penggunaan perkataan diantara bahasa Inggeris dan BP adalah hampir sama. Selain Perancis, terdapat juga negara-negara lain yang menggunakan BP sebagai bahasa perantaraan. Negara-negara tersebut adalah seperti Belgium, Kanada dan negara Afrika seperti Rwanda, Cameron, Guinea, Pantai Gading, Congo, Niger juga Haiti. Pemilihan negara Perancis sebagai destinasi utama pelajar mobiliti melanjutkan pembelajaran mereka adalah kerana negara tersebut merupakan negara yang pada asalnya memang menggunakan BP berbanding negara-negara lain.

“...Other French francophone countries, I found that the pronunciation very unique and I thought that it hard for me to understand...”

“...Negara frankofon Perancis yang lain, saya mendapati bahawa penyebutannya sangat unik dan berpendapat yang ianya sukar untuk saya fahami...”

Responden 2 menegaskan bahawa tujuan utama pemilihan negara Perancis adalah kerana negara itu menggunakan BP sepenuhnya di samping dari negara itu merupakan negara penutur asli BP.

Motivasi positif pelajar mendorong pembelajaran Bahasa Perancis

Pengkaji telah mengemukakan soalan yang meminta responden untuk memberi pendapat seperti apakah yang dimaksudkan dengan motivasi. Berikut ialah pemahaman responden tentang definisi motivasi.

“...a factor, or feeling, um...on top of your emotion, I guess. That... persuade you, persuade...you know, persuades a person to do something in their life.”

“...satu faktor, atau perasaan, um...mungkin sesuatu yang tertinggi. Yang...memujuk anda, memujuk..., memujuk seseorang untuk melakukan sesuatu dalam hidup mereka.”

“...the force that we can do something, try something.”

“...is kind of thing in your own to drive you do something you desire to obtain.”

Pendapat tentang definisi motivasi jelas mewujudkan bahawa responden menyedari akan kewujudan motivasi walaupun mereka tidak menyedari bahawa mereka mempunyai motivasi tersebut. Selain merupakan sesuatu yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu, motivasi juga merupakan sesuatu yang mendorong seseorang itu untuk terus mengejar perkara yang diinginkannya.

Dalam pada itu, terdapat beberapa negara yang mempunyai sistem pendidikan dimana para pelajar disarankan dan didedahkan dengan bahasa asing sejak mereka masih di bangku sekolah, iaitu seawal 7 tahun. Kanak-kanak usia ini mendapat pendedahan dimana mereka diminta untuk memilih dan mempelajari satu bahasa asing sebagai bahasa tambahan selain mempelajari bahasa ibunda mereka. Perkara ini adalah tidak asing bagi sesetengah negara kerana kepentingan

untuk mempelajari bahasa asing itu sendiri dapat dikenal pasti. Ini dapat dilihat daripada respons responden:

“...we had started learning it in primary school when I was about 6 7 years old, we had to do French.”

“...kami mula mempelajari bahasa Prancis di sekolah rendah ketika saya berusia lebih kurang 6, 7 tahun, kami perlu mempelajari bahasa Perancis”

Responden 1 adalah merupakan salah seorang pelajar yang telah mempelajari BP sejak di bangku sekolah lagi. Malahan, sistem pendidikan yang menawarkan pembelajaran bahasa asing di kalangan pelajar menjadi salah satu dorongan untuk mereka terus mempelajari bahasa tersebut sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

“...I continued (learning French) in high school when I was about 12 years old... So with my bachelor of Law degree, I decided to combine it with Bachelor of Arts Degree”

“...Saya menyambung (mempelajari bahasa Perancis) di sekolah menengah ketika saya berusia lebih kurang 12 tahun...Jadi dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, saya membuat keputusan untuk mengabung kursus tersebut bersama Ijazah Sarjana Muda ___”

Oleh itu, dorongan positif yang diterima dan diterap untuk mempelajari BP sejak kecil lagi telah mendorong seseorang untuk terus menyambung dan meneruskan pembelajaran bahasa tersebut.

Daripada dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa motivasi yang dikemukakan oleh Gardner & Lambert (1972) serta Deci & Ryan (2000) jelas memainkan peranan dalam mendorong pelajar-pelajar mobiliti ini untuk mempelajari dan menggunakan BP.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, keputusan yang diterima mendapati bahawa dua jenis motivasi iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental telah memainkan peranan dalam mendorong pelajar-pelajar ini dalam mempelajari BP. Para responden menunjukkan respon yang positif dimana mereka bersetuju bahawa kedua-dua motivasi ini mendorong mereka dalam pembelajaran BP seperti mana yang dinyatakan oleh Gardner & Lambert (1972) yang mengatakan Motivasi

Integratif dan Motivasi Instrumental memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa kedua. Di samping itu, berdasarkan pengalaman yang telah dikongsi oleh responden memaparkan bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik Deci & Ryan (2000) juga telah membantu mereka untuk terus mempelajari BP. Oleh itu, jelaslah bahawa motivasi-motivasi yang diketengahkan oleh pengkaji merupakan motivasi yang jelas dan benar dimana responden telah mengalaminya sendiri.

Motivasi-motivasi yang dinyatakan terdiri dari motivasi Integratif, Instrumental, Intrinsik dan Ekstrinsik.

Implikasi dan Cadangan

Kajian ini ialah kajian rintis yang diharapkan akan dilebarkan dengan kajian lain untuk memberi manfaat kepada pihak tertentu seperti Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia yang mana mereka dapat menjadikan kajian ini sebagai landasan untuk mereka mengetengahkan jenis motivasi-motivasi sebagai satu semangat yang harus diterapkan dalam diri pelajar mobiliti yang mendalami bidang bahasa. Institusi yang menawarkan pembelajaran BP juga dapat merujuk jenis motivasi yang berkesan supaya semangat pembelajaran BP dapat dipupuk secara lebih awal. Para pendidik juga boleh mendapat manfaat dimana mereka dapat memupuk motivasi positif kepada para pelajar yang mempelajari BP. Akhir sekali, kajian ini juga dapat menyalurkan manfaat kepada pelajar mobiliti apabila mereka berupaya mengenal pasti motivasi yang dapat diaplikasikan serta dapat membuat rujukan dalam memilih motivasi yang paling sesuai untuk diguna oleh mereka dalam mempelajari sesuatu bahasa.

Adalah diharapkan supaya kajian akan datang dapat ditumpukan terhadap penggunaan BP di universiti-universiti di Malaysia. Selain itu, kajian tentang motivasi pelajar universiti di Malaysia dalam mempelajari BP juga perlu dipertimbangkan. Semoga kajian yang akan datang dapat memberi manfaat kepada setiap individu yang terlibat.

Rujukan

- Ames, C. , & Ames, R. (1984). Systems of student and teacher motivation: Toward a qualitative definition. *Journal of Educational Psychology*, 76, 535-556.
- Atkinson, J.W (1983). *Personality, motivation, and action*. New York : Praeger
- Azwar Saifuddin (2005). *Pengertian Motivasi Menurut Para Ahli*. Diakses pada 10 April 2014 dari <http://edu.dzihni.com/2013/01/pengertian-motivasi-menurut-para-ahli.html>
- Cropley, A.J. (1985), *Motivation for participation in adult education*. In J.H. Knoll (ed.), *Motivation for adult education*
- Gardner, R.C & Lambert, W.E (1959). *Socio-educational Model of Second Language Acquisition. Fifty Years and Counting*. California : University of Western Ontario.
- Gardner, R.C, Lambert, W.E (1959) *Motivational variables in second language acquisition*
Canadian Journal of Psychology, 13
- Gardner, R.C. & Lambert, W.E. (1972). *Motivational variables in second language acquisition*. In R.C. Gardner & W. Lambert (eds.) *Attitudes and motivation in second language learning*. (pp. 119-216). Rowley, MA: Newbury House.
- Gardner, R.C (1985). *Social psychology and second language learning: the role of attitudes and motivation*. London: Edward Arnold.
- Hays, Julie M. & Hill, Arthur V. (2001). *A Preliminary Investigation of The Relationships Between Employee Motivation/vision, Service Learning, and Perceived Service Quality*. *Journal of Operations Management*, Vol. 19, Isu 3, 2001, Hlm. 335-349
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (2003). *Student motivation in co-operative groups. Co-operative learning: The social and intellectual outcomes of learning in groups*, 136-176.
- Kamus Oxford (2004). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Kamus Dewan (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. (Hlm. 1044), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2004). Psikologi. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Mayer, R. E. (2011). Towards A Science of Motivated Learning in Technology-Supported Environments. *Education Tech Research Dev.* 59, 301–308.
- Norizah Ardi (2005). Sikap terhadap Bahasa Melayu Dan Penggunaannya Di Kalangan Pelajar Universiti Selatan Thailand. Fakulti Bahasa dan linguistik Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Paul R. Kleinginna, Jr. & Anne M. Kleinginna (1981), A Categorized List of Motivation Definitions, with a Suggestion for a Consensual Definition. *Motivation and Emotion*, Vol.5, No.3
- Richard M. Ryan & Edward L. Deci (2000). Intrinsic and extrinsic motivations: Classic Definitions and New Directions. *Contemporary Educational Psychology* 25. (54–67).
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub (2003). Faktor Motivasi Dan Pengaruhnya Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu di Malaysia.
- Siti Saniah Abu Bakar & Sharala Subramaniam, (2012). Pengaruh Motivasi Instrumental dan Integratif Dalam Pemilihan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Penutur Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ; Malay Language Education (MyLEJ)*, 2 (2). Hlm. 54-61.
- Teoh Hee Chong (2005). Hubungan Antara Motivasi Integratif Dengan Pencapaian Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Persendirian Cina. Universiti Putra Malaysia
- Wan Rafeie Abdul Rahman. (1991). *Motivasi dan Psikologi : Anda Boleh Menjadi Pelajar Cemerlang*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wlodkowski, R. (1985). *Enhancing adult motivation to learn*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Zolt'n Dörnyei (1998). Motivation in second and foreign language learning. *Language Teaching*, 31, Hlm. 117135. doi:10.1017/S026144480001315X

